

14 FEB 1998

Mahathir-Rumah

RUMAH KOS RENDAH TETAP PADA RM25,000 SEUNIT, KATA DR MAHATHIR

RAWANG, 14 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini rumah kos rendah masih dijual pada harga RM25,000 seunit di bandar walaupun pemaju kini tidak mampu menanggung kos pembinaannya yang tinggi.

Perdana Menteri berkata kerajaan tidak dapat menaikkan harga rumah berkenaan kerana bantahan daripada orang ramai.

"Kita ingin buat demikian (menaikkan harga rumah kos rendah di bandar). Tapi reaksi yang disuarakan melalui akhbar-akhbar ialah rumah kos rendah tak boleh naik sampai bila-bila," katanya pada persidangan media selepas melawat tapak perumahan Taman Bunga Raya milik Kumpulan Emkay di Bukit Beruntung di sini.

Dr Mahathir berkata demikian ketika ditanya sama ada kerajaan bercadang menaikkan harga rumah kos rendah di bandar dan di tempat-tempat lain yang harga tanahnya tinggi.

Beliau berkata sepatutnya para pembeli sanggup membayar lebih jika ingin membeli rumah kos rendah di bandar-bandar seperti di Kuala Lumpur yang mempunyai segala kemudahan dan kemewahan.

"(Kalau) kita nak duduk di luar bandar, rumah 'medium cost atau high cost' (kos sederhana atau tinggi) murah," kata beliau.

Perdana Menteri berkata jika harga rumah kos rendah masih dijual pada harga RM25,000 seunit di bandar, ramai pemaju mungkin tidak sanggup membina rumah berkenaan kerana kos yang tinggi.

Mengenai beberapa rumah kos rendah yang dijual lebih daripada harga asal, Dr Mahathir berkata mungkin pembeli membayar "under-the-counter" (duit kopi) kepada orang tertentu untuk mendapatkan rumah berkenaan.

Sebelum itu, dalam ucapannya, Perdana Menteri berkata pemaju akan mengalami kerugian jika rumah kos rendah di bandar dijual dengan harga RM25,000.

Beliau berkata pemaju tidak boleh terus memberi subsidi kepada projek rumah kos rendah.

Beliau juga mencadangkan supaya pemaju perumahan menyediakan pusat serenti bagi pembeli sebagai tempat semua urusan pembelian seperti dengan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan bank (bagi pinjaman) dibuat di pejabat pemasaran projek perumahan berkenaan.

Katanya pusat seperti itu yang diwujudkan di projek perumahan Taman Bunga Raya telah menjimatkan masa pembeli kerana semua urusan dapat dilakukan dalam masa sehari.

Petang ini Dr Mahathir menghadiri sambutan Kongsi-Raya di Sungai Besi, Kuala Lumpur anjuran bersama Majlis Belia Malaysia (MBM), Angkatan Belia Islam Malaysia (Abim), Pergerakan Pemuda Malaysia (YMM) dan Persatuan Usahawan Muda Malaysia (PUMM).

Dalam ucapannya beliau berkata perpaduan dan kerjasama antara kaum serta disiplin dalam masyarakat penting bagi menghadapi cabaran dan tekanan ke atas negara sekarang.

"Saya yakin dengan cara ini, segala usaha orang lain untuk memusnahkan negara akan gagal," kata Perdana Menteri yang merujuk kepada masalah ekonomi dan kewangan yang dihadapi Malaysia sejak beberapa bulan lepas.

Dr Mahathir berkata tanpa keamanan dan perpaduan rakyat, satu masalah kecil boleh menjadi besar sehingga sukar diatasi.

Sebaliknya dengan adanya perpaduan di kalangan masyarakat negara lebih aman dan lebih berpeluang mengatasi apa sahaja masalah yang dihadapi.

Beliau berkata oleh itu rakyat Malaysia perlu merapatkan hubungan

antara mereka bagi memastikan usaha yang dibuat untuk mengatasi kegawatan ekonomi sekarang akan berjaya. -- BERNAMA

MAM NMO